

MENZAHIRKAN NILAI KEMASYARAKATAN

Kami kekal komited untuk menzahirkan nilai kemasyarakatan dan memacu impak positif merentas pelbagai komuniti di seluruh negara. Pada tahun 2024, kami terus menyumbang kepada hasil sosioekonomi, menyokong pembangunan komuniti, membina kapasiti dan ketahanan negara melalui Khazanah dan sayap pelaksana — antara lain, Yayasan Hasanah, Taman Tugu, Yayasan Khazanah, Think City dan Institut Penyelidikan.

Selain itu, tahun tersebut diteruskan dengan penghargaan terhadap seni melalui Galeri Khazanah, iaitu galeri maya kami yang mempamerkan karya-karya artis terkemuka tempatan bagi mengetengahkan bakat digilap sendiri dalam platform maya yang menarik.

#Berbudi Bersama

Mall of Medini, Iskandar Puteri

Sabtu, 24 Ogos 2024



MENZAHIRKAN NILAI KEMASYARAKATAN



Pada Ogos 2022, kami melancarkan Galeri Khazanah, iaitu galeri seni maya yang direka bentuk untuk memartabatkan warisan budaya Malaysia. Ia memaparkan artis tempatan yang menyasarkan untuk mempersembahkan seni Malaysia dengan penonton yang lebih luas pada peringkat tempatan dan global. Sejak penubuhannya, galeri ini menampilkan lebih 200 karya seni oleh 74 orang artis Malaysia dan menarik lebih 300,000 pelawat ke platform ini.

Koleksi galeri ini termasuk pemerolehan seni yang dibuat sejak Khazanah memulakan operasi pada tahun 1994. Melalui pemeliharaan dan promosi budaya, Galeri Khazanah menyokong strategi Memajukan Malaysia, menyumbang kepada pembangunan negara dengan mengintegrasikan seni dalam struktur masyarakat negara.

Mulai April hingga Oktober 2024, galeri ini menganjurkan pameran maya keempat, Harmoni dan Kontras: Menghormati Masa Lalu, Meraikan Masa Kini, Membina Masa Depan yang Gemilang. Pameran ini meneroka identiti, struktur dan reka bentuk budaya merentas pelbagai disiplin yang menampilkan 46 karya seni oleh 21 orang artis Malaysia. Seni arca, lukisan dan gambar menawarkan pelbagai tafsiran tema negara dan peribadi yang mencerminkan kerumitan, identiti dan perubahan melalui penceritaan sosial dan visual.

Artis baharu yang ditampilkan di Galeri Khazanah termasuk jurugambar veteran Hari Ho, Soraya Yusof Talismail dan SC Shekar, artis maya Wong Hoy Cheong, pengarca terkemuka Raja Shahrman Raja Aziddin dan artis kontemporari Mohd Fazli Othman dan Ruzzeki Harris. Karya seni mereka dipamerkan bersama dengan karya seni oleh artis dihormati seperti Datuk Syed Ahmad Jamal, Latiff Mohidin, Long Thien Shih, Mad Anuar Ismail, Dr. Zakaria Ali, Abdul Multhalib Musa dan Nadiah Bamadhaj.



Pengunjung mengambil bahagian dalam lawatan kuratorial di pameran mini Galeri Khazanah yang diadakan di Think City @ Bangunan UAB di George Town, Penang. Bertajuk "Mengembara Melalui Seni, Imajinasi dan Warisan Malaysia," pameran ini menampilkan lebih 45 karya oleh 30 orang artis Malaysia — daripada arca dan lukisan kepada gambar dan seni digital — diperoleh daripada koleksi Khazanah Nasional Berhad.



Dapatkan maklumat lanjut mengenai Galeri Khazanah di Instagram melalui <https://www.instagram.com/galerikhazanahofficial/> dan di laman web melalui <https://galeri.khazanah.com.my/>

MENZAHIRKAN NILAI KEMASYARAKATAN

YAYASAN HASANAH

 A foundation of Khazanah Nasional

814,563

orang didekati
(Jumlah sejak tahun
2015: 3.7 juta orang)

214

projek baharu dianugerahkan
di seluruh Malaysia
(Jumlah sejak tahun 2015: 962)

147

rakan kongsi strategik baharu di
seluruh Malaysia
(Jumlah sejak tahun 2015: 674)

Yayasan Hasanah terus berada di barisan hadapan bagi usaha kedermawanan di Malaysia. Pada tahun 2024, pelbagai inisiatifnya kekal berkisarkan lima bidang impak — Pendidikan, Pembangunan Komuniti, Alam Sekitar, Seni & Ruang Awam dan Pengetahuan. Inisiatif-inisiatif ini menyasarkan untuk memperkasakan rakyat agar menjadi wira sehari-hari dengan menggunakan kekuatan mereka bagi memulakan usaha kecil yang menghasilkan impak besar. Dalam tempoh tinjauan, kami mencapai 71.2% lebih ramai orang berbanding dengan tahun 2023 melalui inisiatif kami, terutamanya melalui pelbagai projek kesedaran kesihatan mental di sekolah-sekolah dan program geran Arts for All Seasons (ArtsFAS). Selain itu, kami telah melipatgandakan bilangan projek-projek yang dianugerahkan dan diuruskan yang hampir tiga kali ganda bilangan projek-projek rakan kongsi strategik baharu berbanding pada tahun 2023.



Laporan Hasanah (THR) 2024 (Edisi ke-11)

 [Baca Laporan Penuh di Thr2024.Yayasanhasanah.org](https://thr2024.yayasanhasanah.org)

Tema "Kekuatan yang Kecil", THR 2024 memberi penghormatan kepada rakyat sehari-hari yang melakukan usaha biasa namun mencetuskan transformasi luar biasa. Mereka dengan perlahan membentuk kehidupan dan komuniti melalui kegiatan ihsan dan tujuan yang kukuh.



Inisiatif Terperinci oleh Yayasan Hasanah dapat diperoleh di: <https://yayasanhasanah.org/>

MENZAHIRKAN NILAI KEMASYARAKATAN



YAYASAN
KHAZANAH

Bagi mengekalkan sokongan berterusan terhadap pemimpin masa depan, Yayasan Khazanah, iaitu sayap asas Khazanah, terus melabur dalam individu-individu muda yang berbakat merentas pelbagai bidang. Yayasan Khazanah menyokong komitmen Khazanah dalam pembangunan modal insan yang aktif dengan menawarkan biasiswa dan menggilap bakat berpotensi untuk melanjutkan pengajian di universiti-universiti utama tempatan dan luar negara. Biasiswa ini dianugerahkan berasaskan merit dan boleh diperoleh oleh belia cemerlang, termasuk mereka daripada latar belakang B40.

Pada tahun 2024, Yayasan Khazanah menganugerahkan 113 biasiswa, fellowship, residensi dan pembiayaan kursus pendek eksekutif, menjadikan jumlah kumulatif kepada 1,610 biasiswa.

Memupuk Potensi Kepimpinan

Program

Menganugerahkan biasiswa, fellowship berasaskan merit, residensi dan pembiayaan kursus pendek eksekutif melalui Yayasan Khazanah kepada belia cemerlang daripada latar belakang B40.

Impak

Menganugerahkan **113** biasiswa pada tahun 2024, membawakan jumlah kumulatif kepada **1,610** biasiswa.



Pemegang biasiswa Khazanah Lubna Zulkifli, penerima Biasiswa Khazanah Lestari (2022), dianugerahkan Freedom of the City of London oleh Datuk Bandar London, menyertai barisan tokoh-tokoh termasyhur yang telah menerima anugerah seperti Florence Nightingale, Nelson Mandela, Tunku Abdul Rahman dan Datuk Jimmy Choo.

Mengakhiri Stigma tentang Program Kesihatan Mental

Program

Menyokong Program Harmoni oleh perusahaan sosial Thrive Well di Projek Perumahan Rakyat Batu Muda.

Impak

Wanita yang memanfaatkan program ini menjadi duta komuniti dengan menyediakan perundingan rakan setara dalam komuniti.

MENZAHIRKAN NILAI KEMASYARAKATAN



Seorang nelayan di Portweld, Kuala Sepetang, memasang pinger akustik yang mengeluarkan bunyi berfrekuensi tinggi kepada jala ikan sebagai sebahagian daripada usaha untuk melindungi spesies akuatik.

Melindungi Alam Sekitar

Program

Melaksanakan enam projek pemuliharaan alam sekitar dengan sekolah dan komuniti tempatan serta menyokong pemulihan tanah melalui aktiviti penanaman semula.

Impak

Mengalihkan **27.2 tan** sisa plastik daripada tapak pelupusan sampah dan pemulihan **41** hektar tanah melalui penanaman semula lebih **11,000** pokok bakau dan spesies pokok tempatan.

Program

Berganding bahu dengan MareCet Market Research untuk mencegah bahaya kepada spesies marin yang dilindungi.

Impak

Mencegah dolfin Irrawaddy, dolfin kelasa Indo-Pasifik dan ikan lumba-lumba tanpa sirip Indo-Pasifik terperangkap, cedera dan mati.

MENZAHIRKAN NILAI KEMASYARAKATAN

Mempromosi Seni, Budaya dan Warisan Tempatan melalui Arts for All Seasons (ArtsFAS)

Program

Kerjasama berterusan dengan Kementerian Kewangan untuk menyokong seni, budaya dan warisan tempatan melalui ArtsFAS.

Impak

Mengembangkan bentuk seni untuk memasukkan seni visual, filem pendek dan puisi merentas pelbagai acara di Kuala Lumpur, Perak dan Selangor dengan **112,599** hadirin pada tahun 2024.

Mengekalkan Warisan Tekstil Kami

Program

Menghidupkan semula Telepuk, satu teknik menghias tekstil dengan perada emas zaman dahulu.

Impak

Inisiatif Telepuk mendorong penerbitan buku Telepuk: Forgotten Flowers of Gold menjana hasil lebih **RM417,000** selama tiga tahun oleh **82** tokoh kraf mengadakan **51** acara berkaitan tekstil dan mengembalikan bentuk seni naungan kerabat diraja.

Mohd Azwarin B Ahmed mempelajari seni tenunan menghias fabrik Telepuk yang hampir dilupakan daripada allahyarham Adiguru Norhaiza bin Noordin. Pada hari ini, dia mendemonstrasikan pembuatan Telepuk di Muzium Negeri Terengganu dan lokasi lain untuk meningkatkan kesedaran awam.

MENZAHIRKAN NILAI KEMASYARAKATAN

Perkongasian dan Projek Khas

Dana Perusahaan Sosial Hasanah (HSEF)

Program

Membiayai penyelesaian impak sosial melalui Dana Perusahaan Sosial Hasanah (HSEF) untuk menyokong usahawan dalam menangani cabaran sosial.

Impak

Menganugerahkan geran kepada Vanilla Impact Story di Sibu, Sarawak dan Teman MY Ventures PLT di Kuala Lumpur. Sejak penubuhannya, dana ini telah membiayai **67** usahawan sosial, meningkatkan kemahiran lebih **9,900** individu dan meningkatkan pendapatan **512** individu kepada **RM1,500**.

Vanilla Impact Story memperkasakan bekas banduan dengan sumber pendapatan untuk membina semula kehidupan mereka yang residivisme/ulanglakuan-jenayah.

MENZAHIRKAN NILAI KEMASYARAKATAN

Infrastruktur Luar Bandar

Program

Bekerjasama dengan Kementerian Kewangan untuk menyokong projek Bekalan Elektrik & Air Bersih Mampan bagi Orang Asli di Kampung Bongor, Perak melalui Geran Khas Hasanah.

Impak

5,086 penduduk kampung memperoleh akses kepada bekalan air, **3,306** penduduk kampung memperoleh akses kepada bekalan elektrik dijana oleh solar dan **557** penduduk kampung dilatih untuk mengekalkan sistem tersebut. Penambahbaikan ini menyumbang kepada peningkatan kehadiran sekolah dan pengurangan penyakit bawaan air dan kesihatan kulit dalam kalangan kanak-kanak.



Seorang kanak-kanak dari Kampung Bongor membuka paip air.

Bantuan Bencana Hasanah

Program

Mengerahkan bantuan kemanusiaan sebagai tindak balas kepada banjir musim monsun 2024 di Kelantan, Terengganu dan Pahang serta menyumbang kepada Pelan Tindakan Jangkaan negara sebagai sebahagian daripada gabungan GLC & GLIC Demi Rakyat & Negara (GDRN).

Impak

Menyerahkan bantuan bernilai lebih **RM822,000** termasuk **SGD50,000** daripada Temasek Foundation melalui tujuh organisasi bantuan, memberi kesan kepada lebih **12,860** individu dan **1,010** buah keluarga. Kami juga meningkatkan keupayaan tindak balas tempatan dengan mengukuhkan sistem amaran awal, analisis risiko dan pra-kedudukan bekalan bantuan untuk mengurangkan kesan banjir.



Ahli Malaysian Red Crescent membantu mangsa banjir di pusat bantuan di salah satu pusat pemindahan sementara (PPS) di Kelantan. Yayasan Hasanah menyerahkan bantuan kepada 12,860 individu dan 1,010 buah keluarga semasa banjir musim monsun di Kelantan, Terengganu dan Pahang.

MENZAHIRKAN NILAI KEMASYARAKATAN

GLC & GLIC Demi Rakyat & Negara (GDRN)



Program

Mengagihkan bantuan di bawah rangkaian GDRN melalui Yayasan Hasanah dan Khazanah.

Impak

RM200.67 juta telah diagihkan, memanfaatkan **20,330** buah keluarga dan **14,022** individu.



GLC Demi Rakyat & Negara (GDRN) mengatur 5,000 kit keluarga untuk komuniti yang terjejas oleh banjir merentas Kuching, Bintulu dan Miri.

SUMBANGAN ASAS RAHMAH

PEHERAJU
KEMENTERIAN KEWANGAN



1
Pilih
Kept

3
Tukar Non



Kaunter khas di cawangan runcit yang mengambil bahagian dapat memproses pembelian untuk keperluan yang diluluskan di bawah inisiatif SARA.

MyKasih Sumbangan Asas Rahmah (SARA)

Program

Menyediakan bantuan makanan untuk penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) di bawah kategori Miskin dan Miskin Tegar di Semenanjung Malaysia.

Impak

RM451.73 juta diagihkan pada tahun 2024 kepada **489,181** penerima melalui sistem tanpa tunai dengan RM100 dikreditkan secara bulanan untuk 12 bulan melalui MyKad bagi pembelian barangan keperluan.

MENZAHIRKAN NILAI KEMASYARAKATAN

KHAZANAH RESEARCH INSTITUTE

Memajukan Malaysia Melalui Dasar-dasar Berasaskan Bukti

Pada tahun 2024, Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) mengukuhkan kedudukannya sebagai suara utama penyelidikan dan advokasi dasar dengan menerbitkan 15 kertas penyelidikan yang menangani sesetengah kebimbangan sosioekonomi yang paling mendesak. Ini mencakupi:

- Enam laporan mendalam termasuk edisi 2024 siri perdana 'State of Households' (SOH)
- Tujuh kertas kerja dan tiga karya perbincangan tentang isu-isu kritikal menjangkau tadbir urus iklim kepada peralihan digital negara



IMBAS SINI

untuk membaca kertas SOH yang diterbitkan pada 26 September 2024



Dr Nungsari Ahmad Radhi, Pengerusi Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) berucap di CAF2024, anjuran bersama KRI, Common Action Forum, dan Third World Network.

MENZAHIRKAN NILAI KEMASYARAKATAN

Pada tahun dalam tinjauan, KRI mengembangkan pengaruhnya terhadap landskap dasar dengan ketara dan meluaskan libat urus nasihat merentas kerajaan, termasuk perbincangan langsung dengan kementerian-kementerian utama tentang keutamaan Belanjawan 2024. Penemuan KRI tentang kemiskinan bandar, jurang jantina dalam pasaran tenaga buruh dan reformasi ekonomi ihsan memberikan pertimbangan termaklum pada peringkat eselon atasan kerajaan.

Selain daripada menjalankan penyelidikan dan forum, KRI kekal berdedikasi untuk membentuk pemahaman awam dengan menerbitkan karya pendapat yang bertujuan untuk memangkinkan dialog negara berkisarkan pelbagai cabaran pembangunan Malaysia yang paling mendesak. KRI terus memberikan pandangan berasaskan bukti yang jelas untuk memberikan makluman kepada dialog awam dan penggubalan dasar bagi menyokong Malaysia dalam mengemudi landskap ekonomi dan sosial yang semakin kompleks.



Pada tahun 2024, KRI terus memupuk dialog awam termaklum melalui enam acara perkongsian pengetahuan. Acara kemuncak ialah Common Action Forum (CAF) 2024, anjuran bersama dengan CAF dan Third World Network. CAF mengumpulkan pakar-pakar antarabangsa yang terkemuka untuk meneroka isu-isu kritikal kesalingbergantungan kedaulatan dan keseksamaan di Selatan Global.

Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim menyampaikan ucapatama tentang perlunya reformasi seni bina kewangan global di CAF2024 yang berlangsung selama dua hari dianjurkan oleh Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) bersama dengan Common Action Forum, dan Third World Network.

MENZAHIRKAN NILAI KEMASYARAKATAN

thinkCITY

Ditubuhkan pada tahun 2009, Think City telah berkembang daripada menguruskan pembaharuan bandar di George Town, Pulau Pinang kepada sebuah organisasi berimpak tinggi bandar di negara ini. Tujuan kami adalah untuk membentuk bandar-bandar yang sesuai didiami, mampan dan inklusif.

Kini mencecah tahun ke-15, kami terus menggiatkan semula aset warisan dan ekonomi, mengukuhkan komuniti dan membina ketahanan. Kami mencapainya melalui perkongsian jangka panjang, perancangan berasaskan bukti dan penglibatan komuniti yang rapat.

Melalui perkongsian selama sedekad dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Think City telah mengevolusi tapak kreatif dan budaya Warisan KL Strategik dengan mengintegrasikan pemulihan warisan, peningkatan penambahbaikan awam dan pemrograman kebudayaan. Pembangunan utama termasuk:

- Pengesahan 10 projek utama rintis di bawah Warisan KL Strategik
- Penyelesaian Penilaian Rangkaian Penghubung Hijau
- Penciptaan Pelan Tindakan Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur

Usaha-usaha ini diperkukuh oleh acara Kreatif KL Festival yang buat pertama kali menjadi tuan rumah kepada lebih 170 acara awam yang penuh dengan detik bersejarah yang penting bagi bandar raya ini dan menarik lebih 140,000 pengunjung. Selain itu, program Geran Festival Kreatif KL menyokong lebih 150 projek melalui pelbagai inisiatif, termasuk pengaktifan warisan, program komuniti dan penambahbaikan ruang awam yang semuanya menyumbang kepada penggiatan semula ibu negara ini yang lebih luas.



Kreatif KL Festival 2024 - Menampilkan lebih 100 acara kreatif, Kreatif KL Festival perdana ini meraikan bakat kreatif dan identiti budaya bandar raya ini yang mengaktifkan kesedaran sivik Kuala Lumpur merentas pelbagai peringkat dan komuniti.

MENZAHIRKAN NILAI KEMASYARAKATAN



Siri Syarahan Masa Depan Bandar - Dilancarkan sempena dengan Hari Bandar-bandar Sedunia, Syarahan Masa Depan Bandar pertama ini menampilkan ucapan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Dato' Seri TPr Dr Maimunah Mohd Sharif.

Memperingati ulang tahun ke-15, Think City menegaskan semula komitmen terhadap bandar-bandar inklusif, mampan dan bersedia menghadapi masa depan melalui perkongsian dan pertukaran pengetahuan. Salah satu inisiatif ini ialah siri syarahan Masa Depan Bandar sulung yang menghimpunkan para pemimpin bandar untuk membincangkan visi yang bersifat berani dan inklusif untuk masa depan bandar-bandar kami.

Think City juga telah memajukan pelbagai usaha untuk memikirkan semula infrastruktur transit dan mobiliti sebagai persekitaran memfokuskan komuniti.

Kuala Lumpur

Bekerjasama dengan Prasarana untuk mentransformasikan stesen LRT Masjid Jamek dan Pasar Seni kepada pintu masuk budaya.

Seremban

Menggiatkan semula jalan bawah pejalan kaki yang memulihkan akses antara mercu tanda utama, meningkatkan mesra pejalan kaki dan kemurnian sivik.

Kluang

Fasa 1 Taman Linear Warisan Keretapi menukarkan landasan keretapi lama sepanjang 2.9km kepada koridor awam hijau bagi menggalakkan mobiliti aktif, penghargaan budaya dan kehidupan awam.

Pulau Pinang

Usaha pembangunan semula jangka panjang berakhir dengan penyelesaian Parit Selatan di bawah Projek Pesisir Pantai Utara bagi meningkatkan kesalinghubungan, ketahanan banjir dan akses sivik dalam tapak Warisan Dunia George Town.

Pulau Pinang (Tanah Besar)

Di bahagian tanah besar, inisiatif Level Up Seberang Perai yang dilaksanakan bersama dengan Kementerian Kewangan, menyokong 60 inisiatif komuniti, dikurasi dalam 18 program yang memfokus pada ekonomi kitaran, ekopelancongan, penggiatan semula warisan dan keusahawanan kreatif.

Melalui program Kita-Untuk-Kita (K2K), Think City menerajui pelbagai inisiatif transformasi merentas sepuluh komuniti perumahan awam di seluruh Malaysia. Perkara pokok kepada ini ialah penubuhan Forum Komuniti (FORKOM), iaitu sebuah platform penyertaan yang memperkasakan penghuni untuk mencipta bersama penambahbaikan kawasan kejiranan. Disokong oleh 39 geran komuniti, para penghuni menerajui pelbagai inisiatif tentang keselamatan, pendidikan, pembangunan belia dan ruang komunal orang ramai.

MENZAHIRKAN NILAI KEMASYARAKATAN

Tatkala bandar-bandar tampil ke depan menangani perubahan iklim, Think City telah menyokong perancangan penyesuaian iklim di Pulau Pinang, Shah Alam, Kuala Kangsar, Batu Pahat dan Yong Peng bersama dengan pihak berkuasa tempatan dan rakan kongsi termasuk Yayasan Petronas dan Yayasan Hasanah. Menggunakan penyelesaian berasaskan alam semula jadi, penilaian bandar bunga karang dan pemetaan kerentanan ruang, kami telah berusaha untuk menerapkan ketahanan dalam rangka kerja perancangan tempatan. Usaha-usaha ini mencerminkan keperluan yang semakin meningkat

untuk mengintegrasikan neksus/penghubung budaya semula jadi dalam membentuk bandar-bandar yang mudah suai dan bersedia untuk menghadapi masa depan.

Kerjasama antarabangsa utama dengan World Bank dan UNHabitat selanjutnya memperkukuh peranan Think City dalam perbincangan bandar global. Ini termasuk penerbitan bersama Better Cities for Greater Growth dan penglibatan dalam Mesyuarat Peringkat Tertinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tentang Kewangan Bandar Mampan.

**MIP
PEA** TWO THOUSAND **24**
MIP PLANNING EXCELLENCE AWARDS



**MALAYSIAN
INSTITUTE OF
PLANNERS**

Pengiktirafan Negara untuk Projek ThinkCity - ThinkCity diberikan Anugerah Malaysian Institute of Planners 2024, merangkul Anugerah Emas untuk Projek Esplanade Tembok Laut Pesisir Utara dan Anugerah Special Mention untuk program Arts on the Move, kerjasama dengan MRT dan disokong oleh Kementerian Kewangan. Penganugerahan ini menonjolkan manfaat kerjasama jangka panjang dalam membina bandar-bandar yang berdaya tahan dan sesuai didiami.

MENZAHIRKAN NILAI KEMASYARAKATAN



Di bawah pengawasan Khazanah Nasional, Taman Tugu diteruskan sebagai inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat bukan berasaskan keuntungan. Taman perhutanan bandar seluas 66 ekar ini merupakan kawasan hijau utama di Kuala Lumpur yang ditubuhkan di bawah Amanah Warisan Negara (AWAN). Dibangunkan melalui kolaborasi dengan entiti-entiti sektor awam dan swasta, kementerian-kementerian dan organisasi masyarakat madani, taman ini mengekalkan dedikasi aset warisan selain penyediaan ruang mampan untuk rekreasi awam dan keterlibatan komuniti.

Pada tahun 2024, Taman Tugu:

- Menerima 334,737 pelawat.
- Menjadi tuan rumah kepada pelbagai aktiviti berjadual tetap seperti Zumba Rimba, yoga hujung minggu dan sesi aerodance.
- Menjadi tuan rumah kepada pelbagai acara awam termasuk Meraikan Seni, Hari Alam Sekitar Sedunia, Hari Kanak-kanak, Hari Yoga Antarabangsa dan acara Perpustakaan Awam.

Pelawat awam berjalan-jalan di sepanjang runtu yang berpandangan indah Taman Tugu. Runtu ini adalah paling sibuk pada waktu awal pagi dan petang, menarik ribuan pelawat pada setiap hujung minggu.

MENZAHIRKAN NILAI KEMASYARAKATAN

Perkongsiian Strategik

CIMB Islamic Bank

Program Pendidikan Alam Taman Tugu-Free Tree Society memaparkan berjalan di hutan berpandu dan ceramah tentang pemuliharaan, perubahan iklim, penyelesaian alam sekitar serta kelas-kelas pengurusan penanaman dan tapak semeian.

Peluang-peluang Adopsi/Pengambilan Angkat Elemen Taman

Bagi memastikan kelestarian jangka panjang, Taman Tugu menawarkan peluang-peluang adopsi/pengambilan angkat untuk individu, syarikat korporat dan organisasi bagi menyokong pemuliharaan dan penyelenggaraan hutan bandar. Antara elemen taman yang ada untuk adopsi/pengambilan angkat ialah pokok, buaian, plot korporat untuk penanaman pokok asli/tempatan, gazebo dan ruang berehat. Usaha-usaha ini membantu mendukung misi Taman Tugu untuk kekal terbuka dan boleh didatangi semua orang bagi memastikan bahawa alam semulajadi terus hidup subur di tengah-tengah bandar Kuala Lumpur untuk generasi akan datang.



IMBAS DI SINI

untuk mengetahui selanjutnya tentang adopsi/pengambilan angkat sebarang elemen taman



Persembahan Pancaragam Tentera dengan Veteran di Perpustakaan Awam.